



Statistik Siswazah 2023

Siapa Siswazah?


Merujuk kepada individu yang memiliki sijil tertinggi yang diperoleh daripada universiti, kolej, politeknik, badan yang beriktiraf atau setaraf, dengan tempoh pengajian sekurang-kurangnya dua tahun.

STATISTIK SISWAZAH 2023




5.74 juta
siswazah pada 2023


Bilangan Tenaga Buruh Siswazah




Tenaga Buruh Siswazah mengikut Jantina, 2023




Tenaga Buruh Siswazah mengikut Strata, 2023




Siswazah Bekerja



Penganggur Siswazah





Siswazah Luar Tenaga Buruh





KPTBS 2023 85.7%
2022 85.4%

Kadar Penyeritaan Tenaga Buruh
Siswazah (KPTBS)



KPS 2023 3.4%
2022 3.7%

Kadar Pengangguran Siswazah (KPS)




Sumber: Statistik Siswazah 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia

1

Indikator Utama Statistik Siswazah, Malaysia, 2020-2023

Orang (‘000)

Nota: ^r = semakan semula



	2020 ^r	2021 ^r	2022 ^r	2023
Bilangan siswazah	4,987.2	5,248.6	5,512.2	5,743.3
Tenaga buruh siswazah	4,241.5	4,463.9	4,709.2	4,923.1



"Malaysia mencatatkan 5.74 juta siswazah, meningkat 4.2 peratus dengan lebih dua pertiga bekerja dalam kategori Mahir pada 2023"

- Pada 2023, terdapat seramai 5.74 juta siswazah di Malaysia, yang mana 4.92 juta siswazah berada adalah di dalam tenaga buruh, merekodkan kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) pada 85.7 peratus.
- Seiring dengan ekonomi Malaysia yang telah memperoleh momentum ke arah pemulihan secara beransur-ansur dan seterusnya mendorong kedudukan pasaran buruh yang lebih baik pada tahun 2023, bilangan siswazah yang bekerja meningkat sebanyak 4.9 peratus kepada 4.76 juta orang (2022: 4.53 juta orang) manakala bilangan penganggur siswazah menurun sebanyak 4.3 peratus pada 2023 untuk merekodkan 167.3 ribu orang.
- Struktur pasaran buruh pada 2023 bertambah baik seperti yang ditunjukkan oleh penurunan 0.7 peratus bilangan siswazah dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran kepada 1.54 juta orang (2022: 1.55 juta orang). Situasi tersebut lebih ketara dalam kalangan siswazah belia berumur 24 tahun ke bawah dengan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran kekal tinggi pada 67.0 peratus pada 2023 berbanding 62.3 peratus pada 2022.
- Siswazah luar tenaga buruh merangkumi komposisi sebanyak 14.3 peratus daripada siswazah berumur 15 tahun ke atas atau bersamaan dengan 820.2 ribu orang. Kumpulan utama siswazah berada di luar tenaga buruh adalah disebabkan oleh kerja rumah/ tanggungjawab keluarga (34.5%), masih belajar/ program latihan (30.6%) dan sudah bersara / lanjut usia (28.1%).
- Menuju ke hadapan, pelbagai inisiatif dan strategi untuk memastikan kualiti hasil siswazah selaras dengan permintaan pasaran kerja, sekali gus mengurangkan pengangguran dan guna tenaga tidak penuh. Selain itu, pada masa ini kecerdasan buatan (AI) telah membawa transformasi yang ketara dalam penyampaian pendidikan. Selaras dengan kemajuan pesat perkhidmatan internet, AI mempunyai implikasi besar dalam kehidupan seharian. Peralatan dan aplikasi berasaskan AI kini digunakan secara meluas dan progresif dalam proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi. Selaras dengan kemajuan pesat teknologi, pelajar kini lebih berorientasikan kepada konsep pembelajaran berasaskan digital. Pelajar siswazah perlu menghadapi masa depan yang lebih mencabar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan.

Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



BANI 2024
PERTANIAN
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN



MALAYSIA
MADANI

